



Membina hubungan interpersonal

Graduan yang baharu bekerja perlu membina hubungan yang baik dan positif dengan ketua dan kakitangan apatah lagi mereka telah lama berkhidmat. Membina hubungan interpersonal mungkin mudah bagi sesetengah pekerja namun tidak bagi sebahagian yang lain apatah lagi dengan mereka yang baharu dikenali.

Apa pun alasan, sebagai pekerja baharu graduan mesti tahu dan mampu membina hubungan dengan ketua atau pekerja melalui kemahiran interpersonal. Pendekatan berikut mungkin mampu membina hubungan interpersonal anda.

Komunikasi yang jelas

Berkomunikasi secara jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Anda perlu menjelaskan mesej yang ingin disampaikan. Berfikirlah sebelum bertindak balas terhadap sebarang kemusykilan yang ditimbulkan kakitangan. Binalah idea anda sebelum menjawab atau menyelesaikan sebarang persoalan dengan berkesan.

Berikan senyuman

Ucapkan salam dan berikan senyuman apabila bertemu atau berjumpa ketua, pegawai, kakitangan atau pelanggan yang berurusan dengan organisasi. Pendekatan itu akan membuatkan mereka berasa selesa dan beranggapan bahawa anda boleh didekati.

Percayalah, senyuman boleh menceriaikan hari seseorang. Maka, kekalkan sikap yang ceria dan positif dengan senyuman semasa bekerja.

Mendengar dengan teliti

Dengar dengan teliti apa yang kakitangan katakan dan perlu bersikap terbuka terhadap pendapat dan idea orang lain. Menjadi pendengar yang baik menunjukkan anda mampu mendengar, mengakui dan menghormati pandangan orang lain.

Mendengar secara teliti menunjukkan anda memberi perhatian menyebabkan ketua atau kakitangan berasa lebih yakin dan percaya dengan anda.

Memberi pujian

Memberi pujian kepada kakitangan ialah kemahiran interpersonal yang

perlu diamalkan graduan semasa bekerja. Hargai kerja keras dan usaha yang dibuat kakitangan dan rakan sekerja.

Ucapkanlah 'terima kasih' dan mengakui hasil kerja yang baik selepas mereka melaksanakan tugas.

Anda seharusnya bermurah hati dengan kata-kata pujian kepada kakitangan. Mengamalkan nilai positif seumpama ini akan memudahkan anda mendapat kerjasama daripada mereka pada masa depan.

Ambil tahu

Tanamkan sikap mengambil tahu mengenai kakitangan atau rakan

sekerja. Cuba ambil perhatian berkaitan perkara yang menggembirakan hidup mereka contohnya, tarikh lahir. Ucapkan selamat hari lahir kepada mereka.

Tunjukkan belas kasihan dan empati apabila mereka sedang menghadapi masalah atau melalui keadaan yang sukar. Sebernarnya, tindakan seumpama ini menunjukkan bahawa anda mengambil berat tentang mereka. Percayalah, anda akan dihormati dan dihargai jika mempunyai sikap ambil tahu.

Selesaikan konflik

Apabila ada pekerja menimbulkan masalah

kepada anda, elak daripada menghebahkan perkara itu di pejabat. Berbincanglah dengannya secara peribadi dan jelaskan mengapa anda tidak bersetuju dengan tindakannya itu.

Elakkan daripada bercakap mengenai konflik itu dengan kakitangan lain kerana tindakan sedemikian tidak wajar.

Menggalakkan kebersamaan

Pekerja baharu harus mewujudkan persekitaran yang mesra untuk menggalakkan kebersamaan antara kakitangan dengan rakan sekerja. Layani mereka secara saksama dan beri peluang kepada semua kakitangan untuk memberi pendapat berkaitan tugas masing-masing.

Mencipta keceriaan

Anda boleh mencipta keceriaan atau kelucuan di hadapan kakitangan dan rakan sekerja. Mungkin perkara lucu atau jenaka anda boleh mewujudkan suasana ceria serta ketawa dalam kalangan kakitangan.

Mungkin juga jenaka anda itu dapat memecah halangan sehingga

pekerja berasa lebih selesa antara satu sama lain. Bagaimanapun, pastikan jenaka anda itu tidak menyinggung perasaan mereka.

Meletak diri dalam situasi orang lain

Dalam hubungan interpersonal adalah lebih mudah untuk berkomunikasi jika anda memahami perasaan dan keadaan orang lain. Mungkin ada sebab tertentu kakitangan atau rakan sekerja anda sering kelihatan tidak gembira.

Cuba bercakap dengan mereka dan melihat perkara yang berkaitan dengan keadaan yang dihadapi daripada perspektif mereka.

Jangan merungut

Adalah sangat tidak wajar jika seseorang itu sentiasa merungut atau mengadu tentang semua perkara yang membabitkan tugas. Sikap sebegitu menyebabkan anda sentiasa dilihat negatif.

Jika berpeluang untuk bercakap mengenai ketidakpuasan anda, carilah masa yang sesuai untuk disampaikan kepada pihak berkenaan contohnya, ketua anda.

Sikap suka merungut boleh menyebabkan kakitangan melabelkan anda secara negatif. Lazimnya, tiada sesiapa pun yang suka kepada orang yang suka merungut.

